

# ATROVENT® N Metered Dose Inhaler

Ipratropium Bromide (20mcg/puff)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Atrovent
2. Bagaimana Atrovent berfungsi
3. Sebelum menggunakan Atrovent
4. Cara menggunakan Atrovent
5. Semasa menggunakan Atrovent
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Atrovent
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Atrovent

Atrovent digunakan sebagai bronkodilator bagi rawatan penyelenggaraan bronkospasma (penyempitan saluran udara ke paru-paru) yang berkaitan dengan penyakit kronik pulmonari obstruktif (penyakit obstruksi paru-paru yang bercirikan pengaliran udara yang lemah), emfisema [kerosakan pundi udara (alveoli) dalam paru-paru] dan asma.

## Bagaimana Atrovent berfungsi

Bahan aktif Atrovent - *ipratropium bromide*, sejenis antikolinergik yang berfungsi dengan mengendurkan otot disekeliling saluran pernafasan.

Atrovent membuka saluran udara dengan dos bahan aktif yang sangat rendah (1 pam = 21 µg *ipratropium bromide*). Dengan penggunaan pencegahan yang berterusan, ia mencegah penyempitan saluran udara/ kekejangan otot bronkial. Kesan bronkodilasi berikutnya penyedutan Atrovent adalah spesifik pada paru-paru dan bertindak secara setempat.

## Sebelum menggunakan Atrovent

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah terhadap *ipratropium bromide*, mana-mana bahan lain Atrovent, *atropine* atau derivatif *atropine* (bahan antikolinergik dengan struktur yang sama).

*Mengandung dan menyusukan anak*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil atau menggunakan sebarang ubat-ubatan.

Walaupun tiada kesan teratogenik diketahui (kesan mudarat terhadap kandungan), Atrovent harus digunakan semasa mengandung dan menyusukan anak, hanya jika dianggap perlu oleh doktor yang merawat selepas pertimbangan yang wajar terhadap risiko-risiko berbanding manfaat.

### - Sebelum mula menggunakan

Sila rujuk di bawah untuk mendapatkan maklumat mengenai penggunaan Atrovent bila anda hanya memerlukannya dalam keadaan tertentu.

Sila tanya doktor anda untuk maklumat lanjut. Perkara yang sama harus dilakukan jika keadaan di bawah telah berlaku pada anda pada masa lalu.

Jika ubat-ubatan secara tidak sengaja terkena pada mata anda semasa penggunaan, anda mungkin mengalami komplikasi mata. Sekiranya anda mempunyai glaukoma sudut sempit (peningkatan tekanan bendalir dalam mata), anda mungkin mengalami serangan glaukoma dengan simptom-simptom seperti berikut: mata sakit, penglihatan kabur atau berkabut, lingkaran bercahaya atau perubahan dalam persepsi warna, mata kemerahan dan bengkak kornea. Ini boleh dirawat dengan ubat titis mata miotic. Jika berlaku komplikasi teruk mata, anda harus berbincang dengan pakar mata. Alat sedut ini diguna melalui mulut. Oleh itu, risiko menyembur ke dalam mata anda adalah rendah.

Atrovent harus digunakan dengan berhati-hati jika anda mengalami masalah untuk mengosongkan pundi kencing anda, (contohnya pembesaran prostat).

Jika anda mempunyai penyakit *cystic fibrosis* (keadaan genetik di mana paru-paru dan sistem penghadaman

menjadi tersumbat dengan mukus) anda mungkin lebih mudah terdedah kepada masalah fungsi dan mobiliti gastrousus.

Penjagaan khas perlu diambil apabila menggunakan Atrovent:

Pastikan anda tidak terkena semburan aerosol pada mata anda (terutamanya jika anda lebih cenderung terhadap penyakit glaukoma); rujuk "kesan-kesan sampingan."

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau pernah menggunakan ubat-ubatan lain, walaupun ubat-ubatan yang lain tidak memerlukan preskripsi.

*Beta 2 adrenergics* dan *xanthine* derivatif (seperti *theophylline*) boleh meningkatkan kesan bronkodilasi (pembukaan saluran udara pada paru-paru).

## Cara menggunakan Atrovent

### - Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa ikuti arahan doktor anda dengan tepat apabila menggunakan Atrovent. Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

Sila gunakan seperti yang diarahkan; Jika tidak, Atrovent mungkin tidak memberikan kesan yang diingini. Atrovent digunakan untuk penyedutan sahaja.

Melainkan jika diarahkan selainnya, dos berikut disyorkan secara umum untuk orang dewasa dan kanak-kanak berumur 6 tahun dan ke atas:  
2 dos bermeter (sedutan) 4 kali setiap hari.

Penggunaan oleh kanak-kanak mesti diawasi oleh orang dewasa.

Jika jumlah dos yang diperlukan meningkat, ia mestilah diandaikan

bahawa rawatan tambahan adalah perlu. Oleh itu, jumlah dos harian tidak boleh melebihi 12 semburan aerosol.

*Nota penting:*

Jika tiada peningkatan yang ketara dilihat meskipun rawatan diberikan, atau jika simptom anda menjadi lebih teruk, anda harus berunding dengan doktor anda untuk menyemak semula pelan rawatan anda. Sekiranya berlaku sesak nafas akut yang semakin teruk, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

- Bila perlu menggunakan


Jika boleh, gunakan semasa duduk atau berdiri.

Pengendalian aerosol meter yang betul adalah penting bagi rawatan yang berkesan.

Tekan meter aerosol dua kali sebelum penggunaan kali pertama.

Perhatikan langkah-langkah yang berikut untuk setiap kali penggunaan:

1. Ailihkan penutup pelindung (Rajah 1).



2. Hembus nafas dengan kuat.
3. Letakkan meter aerosol di dalam mulut anda dan tutup bibir anda dengan ketat di pelekap mulut. Anak panah dan tapak kanister akan menunjuk ke atas.



4. Sedut secara mendalam sambil menekan dengan teguh pada bahagian bawah kanister untuk melepaskan satu semburan aerosol. Tahan nafas selama beberapa saat, kemudian keluarkan pelekap mulut daripada mulut anda dan hembus nafas perlahan-lahan.

Tindakan yang sama diulang untuk penyedutan yang ke-2.

5. Gantikan penutup pelindung selepas menggunakan.

Pastikan semburan tidak kena ke dalam mata anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan tempoh rawatan bergantung kepada keadaan penyakit anda dan tahap keterukan kesan sampingan

sampingan. Anda tidak boleh menukar atau menghentikan rawatan anda sendiri di bawah mana-mana keadaan.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda berasa kesan daripada *Atrovent* adalah terlalu kuat atau terlalu lemah.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda jika anda terlupa dos yang sebelumnya. Sedut dos yang seterusnya pada masa yang tetap. Jika anda terlepas terlalu banyak dos, terdapat risiko dimana kesesakan nafas akan bertambah teruk.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jumlah dos harian yang lebih daripada 12 aerosol tidak menawarkan apa-apa manfaat rawatan tambahan. Dapatkan rawatan perubatan segera jika anda telah menggunakan jauh lebih daripada dos yang ditetapkan. Anda mungkin mempunyai risiko yang lebih tinggi dalam mengalami kesan-kesan sampingan seperti mulut kering, masalah dalam menyelaraskan mata anda untuk jarak yang berbeza dan denyutan jantung yang pantas.

**Semasa menggunakan *Atrovent***

- Perkara yang perlu dilakukan


Bersihkan aerosol meter anda sekurang-kurangnya sekali seminggu. Ia adalah penting untuk memastikan pelekap mulut aerosol meter anda bersih supaya ubat-ubatan tidak membentuk saki-baki yang akan menyekat semburan.

Untuk membersihkannya, mula-mula keluarkan penutup pelindung dan keluarkan kanister itu dari pelekap mulut. Alirkan air suam melalui

pelekap mulut sehingga ia bebas daripada habuk.



Goncang pelekap mulut selepas membersihkannya dan biarkan ia kering dalam udara. Selepas pelekap mulut telah kering, pasangkan semula kanister dan tutup dengan penutup pelindung.



Ia adalah lebih mudah untuk memastikan pelekap mulut sentiasa bersih jika anda tidak bernafas ke dalamnya.

Pelekap mulut direka secara eksklusif untuk digunakan bersama *Atrovent*. Jangan guna pelekap mulut ini dengan aerosol lain. Hanya gunakan *Atrovent* bersama pelekap mulut yang diberikan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Kesesakan nafas anda akan menjadi lebih teruk jika anda mengganggu rawatan atau menghentikan rawatan. Anda tidak harus mengganggu atau memberhentikan rawatan dengan *Atrovent* tanpa nasihat doktor yang merawat.

Jangan berikan *Atrovent* kepada orang lain, walaupun mereka mengalami simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Bekas ini adalah di bawah tekanan dan jangan sesekali membuka secara paksaan atau terdedah kepada suhu melebihi 50°C

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang penggunaan ubat ini, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

<p>- <u><b>Perkara yang perlu diberi perhatian Amaran:</b></u>  Jika kesesakan nafas anda menjadi lebih teruk (<i>paradoxical bronchospasm</i>) semasa penyedutan, anda mesti menghentikan rawatan dengan serta-merta dan merujuk kepada doktor anda untuk mengkaji pelan rawatan anda.</p> <p>Tindakbalas alahan boleh berlaku dengan serta-merta selepas menggunakan <i>Atrovent</i>, seperti kes ruam kulit yang jarang berlaku, kegatalan (<i>urticaria</i>), reaksi alahan kejutan dan bengkak yang teruk (<i>angioedema</i>) pada lidah, bibir dan muka, dan pengecutan otot pada saluran udara bronkial (<i>bronchospasm</i>).</p> <p><b>Memandu dan menggunakan jentera</b>  Tiada kajian dijalankan mengenai kesan ke atas keupayaan untuk memandu atau dengan mengendalikan jentera. Semasa rawatan dengan <i>Atrovent</i>, kesan sampingan seperti pening, masalah menyelaraskan mata untuk jarak yang berbeza (<i>accommodation disorders</i>), pengembangan sementara anak mata (<i>mydriasis</i>) dan penglihatan kabur boleh berlaku. Oleh itu, anda harus berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan jentera. Jika kesan sampingan di atas berlaku, anda tidak patut memandu atau mengendalikan jentera.</p> <p><b>Kesan-sesan sampingan</b>  Seperti semua ubat-ubatan, <i>Atrovent</i> boleh mempunyai kesan sampingan yang tidak semestinya berlaku pada semua orang.</p> <p>Kesan sampingan yang paling kerap untuk <i>Atrovent</i> adalah sakit kepala, mulut kering, pening, batuk, kerengsaan tekak, gangguan mobiliti pada gastrousus (termasuk sembelit, cirit birit dan muntah).</p> <p>Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami salah satu daripada kesan sampingan yang di atas atau jika anda mengalami kesan</p>	<p>sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.</p> <p>Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web <a href="http://portal.bpfk.gov.my">portal.bpfk.gov.my</a> (<i>Consumers Reporting</i>).</p> <p><b>Cara penyimpanan dan pelupusan <i>Atrovent</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <u><b>Penyimpanan</b></u>  Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.  Simpan dibawah suhu 30°C.</li> <li>- <u><b>Pelupusan</b></u>  Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.</li> </ul> <p><b>Maklumat lanjut</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <u><b>Rupa dan warna produk</b></u>  Cecair yang jelas and tidak berwarna, bebas daripada partikel .</li> <li>- <u><b>Bahan-bahan kandungan</b></u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahan aktif  <i>Ipratropium bromide</i></li> <li>- Bahan tidak aktif  <i>Citric acid anhydrous, water purified , ethanol anhydrous, nitrogen (inert gas), HFA [hydrofluoralkane] 134a (propellant)</i></li> </ul> </li> <li>- <u><b>Nombor MAL</b></u>  MAL20033948AZ</li> </ul> <p><b>Pengilang</b>  Boehringer Ingelheim Pharma GmbH &amp; Co. KG  Binger Strasse 173  55216 Ingelheim Rhein  Germany</p> <p><b>Pemegang Pendaftaran Produk</b>  Boehringer Ingelheim (Malaysia) Sdn.Bhd.</p>	<p>Suite 15-5 Level 15, Wisma UOA Damansara II,  No. 6 Jalan Changkat Semantan,  Damansara Heights,  50490 Kuala Lumpur,  Malaysia.</p> <p><b>Tarikh kemaskini RiMUP</b>  10/07/2015</p> <p><b>Nombor siri</b>  BPFK(R4/1)090715/00182</p>
--	--	--